

HARI KELUARGA KERJA SOSIAL

Oleh: Encik Ben Anderson Anak Melai

Nama Program : We Respect We Care (Program Silatulrahim Kerja Sosial)

Tarikh : 17 November 2013

Tempat : Pantai Tanjung Aru



Aktiviti : Lakonan berkaitan peranan Kerja Sosial
(aktiviti dalam kumpulan)

Hari Keluarga merupakan aktiviti tahunan yang wajib diadakan oleh Program Kerja Sosial. Tema We Respect We Care adalah tema yang telah dipilih oleh pelajar di mana program selama satu hari itu telah berlangsung pada 17 November 2013 di Pantai Tanjung Aru. Seramai 82 orang pelajar kerja sosial termasuk tahun 1,2 dan 3 telah terlibat dalam program ini. Turut terlibat adalah 2 orang pensyarah serta seorang tutor bagi menyokong aktiviti yang telah dijalankan.

Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan hubungan silatulrahim di antara pelajar dan pensyarah serta meningkatkan semangat bekerja secara berpasukan. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti :-

(i) Amanahku

Ia merupakan aktiviti dalam kumpulan di mana setiap pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diminta untuk menjalankan peranan yang telah diberikan. Antara peranan yang diberikan adalah peranan-peranan pekerja sosial dalam proses membantu. Aktiviti ini bukan sahaja membantu mereka untuk mengingat kembali apa yang telah mereka pelajari sepanjang kursus dijalankan malahan ia juga akan memberikan gambaran sebenar berkaitan dengan peranan sebenar pekerja sosial dan sumber-sumber yang boleh diperolehi melalui situasi yang telah diberikan.

(ii) Straw Ajaib

Aktiviti dalam kumpulan yang mendedahkan pelajar dengan semangat berpasukan di mana setiap kumpulan akan diberikan sebatang straw dan satu getah dan diminta untuk memasingkan gelang getah berkenaan kepada ahli dalam pasukan mereka.

(iii) Belon Amanah

Aktiviti yang memberikan pendedahan kepada berkaitan dengan ketelitian dalam menjalankan tugas atau amanah yang telah diberikan. Setiap kumpulan akan diberikan belon yang berisi air dan diminta untuk membaling belon tersebut secara membelakang. Keadaan ini memerlukan ketelitian, kemahiran dan fokus yang tinggi bagi mengelakkan belon yang telah diamanahkan itu pecah.



AKTIVITI PELAJAR

Sekolah Psikologi & Kerja Sosial

"Ni la keretapi kami...cuba tengok.." kata ketua kumpulan

Menurut saudara Mohd Firdaus selaku pengarah program, aktiviti yang dijalankan telah memberikan pendedahan kepada mereka terutamanya pelajar baru untuk bergaul bersama pelajar lama. Menurutnya lagi: "Permainan serta aktiviti yang telah kami lakukan banyak membantu kami memecahkan tembok yang menjadi penghalang kami dalam berkomunikasi serta meningkatkan kerjasama dalam menjalankan tugas yang telah dilakukan dalam latihan dalam kumpulan berkenaan"

Manakala ketua program HA52, En. Risalshah Latif berharap program seperti ini perlulah dijalankan kerana banyak kebaikan yang boleh diperolehi daripada aktiviti berkenaan. Menurutnya lagi :-

"Saya berharap program seperti ini akan dikekalkan kerana ia merupakan salah satu medium utama dalam memberikan latihan kepada pelajar untuk membiasakan diri bekerja dalam suasana baru dan perancangan perlaksanaan sesuatu aktiviti".

Program hari keluarga ini telah berjalan dengan lancarnya dan majlis penutupan telah dilakukan pada sebelah petang hari yang sama oleh En.Risalshah Latif.



Pastikan kita menang!



"Lama lagi ke ni...dah tak sabar nak lawan ni"

Pantai Tanjung Aru

Pantai Tanjung Aru, yang terletak kira-kira 6 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dan kurang dari setengah kilometer dari terminal 2 Airasia. Ia turut dihubungkan ke rangkaian kereta api Sabah melalui stesen kereta api Tanjung Aru. Pantai ini merupakan tempat perkelahan yang popular di kalangan masyarakat tempatan serta pelancong. Pantai ini dibahagikan kepada tiga bahagian.



Satu Pengalaman yang seronok di SPKS